

1,529 kes demam denggi dilaporkan

SINAR HARIAN 13 NOV 2017

KUANTAN - Pahang mencatatkan 1,529 kes demam denggi iaitu penurunan 983 kes atau 39.3 peratus dalam tempoh Januari hingga 5 November lalu, berbanding 2,502 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas negeri, Datuk Norol Azali Sulaiman berkata, daripada jumlah itu, sebanyak enam kematian direkodkan ber-

banding enam kes tahun lalu.

Menurutnya, statistik sehingga 5 November lalu menunjukkan daerah Kuantan mencatatkan kes demam denggi tertinggi iaitu 859 kes, diikuti Temerloh (263 kes), Raub (85 kes), Maran (82 kes), Jerantut (60 kes), Bera (49 kes), Pekan (36 kes), Bentong (33 kes), Lipis (25 kes), Rompin (23 kes) dan Cameron Highlands (empat kes).



Norol Azali dan Abdul Manan meninjau lokasi pembiakan nyamuk aedes pada gotong-royong itu.

“Setakat ini, satu lokaliti yang masih aktif dikesan iaitu di Taman Tas, di sini yang berisiko tinggi kes wabak denggi.

“Program gotong-royong ini menumpukan kepada tempat pembiakan jentik-jentik untuk dihapuskan bagi memastikan penduduk di taman ini bebas daripada dijangkiti demam denggi,” katanya pada sidang media selepas mengetuai Operasi Gempur Aedes di Taman Tas, semalam.

Turut hadir, Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Seri Abdul Manan Ismail.

Norol Azali berkata, premis yang didapati membiak nyamuk aedes akan dikenakan denda sebanyak RM500.

Jelasnya, program gempur aedes yang dilaksanakan di Taman Tas berikutan lapan wabak dilaporkan dengan membabitkan 100 kes sepanjang tahun ini.

“Melalui pemeriksaan dijalankan Jabatan Kesihatan, kebanyakan tempat pembiakan adalah berpunca air bertakung daripada kebun yang diusahakan penduduk,” katanya.

Program anjuran Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Jabatan Kesihatan Pahang dan Pejabat Daerah Kuantan itu disertai 1,000 orang termasuk penduduk Taman Tas.